

Ucapan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Sri Hamad Kama Piah Che Othman, Pengerusi Kumpulan UMW sempena Majlis Anugerah Biasiswa UMW 2021

Bismillahirrahmanirrahim,

YBhg. Dato' Ahmad Fuaad Kenali,
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMW

Barisan pengurusan Kanan Kumpulan UMW

Penerima-penerima Anugerah Biasiswa Kumpulan UMW yang
diraikan

Ibubapa dan para hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum WBT dan selamat petang.

Alhamdulillah, saya mulakan dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan izin dan kurnia-Nya kita dapat bersama pada petang ini di Majlis Anugerah Biasiswa UMW yang penuh bermakna.

Saya cukup berbesar hati dapat bersama-sama dengan begitu ramai anak-anak penerima anugerah biasiswa Kumpulan UMW dan juga para ibubapa pada petang ini.

Bagi tahun ini, saya dimaklumkan bahawa Program Biasiswa Kumpulan UMW telah menerima sambutan yang sangat menggalakkan, yang mana kita telah menerima seramai 725 permohonan. Daripada jumlah tersebut, hanya 34 orang pemohon sahaja yang telah berjaya melepasi 3 peringkat saringan yang ketat dan telah berjaya menerima biasiswa ini, bersamaan dengan kadar kejayaan (*success rate*) kurang dari 5%.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada para penerima Anugerah Biasiswa Kumpulan UMW, kerana pencapaian ini bukanlah sesuatu yang mudah, dan ianya adalah berkat usaha gigih dan kerja keras, serta doa dan sokongan daripada ibubapa.

Cabaran Masa Hadapan

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dunia kini amatlah berbeza dengan situasi terdahulu, dengan pelbagai trend perubahan disruptif yang merombak susun atur sosial, ekonomi, teknologi dan demografi serta aspek-aspek lain masyarakat. Untuk terus berdaya saing, anak-anak para pemegang Anugerah Biasiswa Kumpulan UMW haruslah sedar akan perubahan struktur dunia ini (ataupun *global structural changes*) agar mereka dapat mengenalpasti peluang-peluang untuk membina kekuatan-kekuatan tersendiri.

Kajian oleh Robeco Asset Management telah mengenalpasti tiga pola perubahan utama, merangkumi (a) revolusi teknologi, (b) perubahan sosio-demografi dan juga (c) agenda kelestarian.

Trend 1: Revolusi Teknologi

Dari sudut teknologi, dunia kini telah mencapai tahap teknologi yang cukup tinggi dengan perkembangan digital yang telah mendorong pertumbuhan dalam dunia *Artificial Intelligence*, *Big Data* dan lain-lainnya dalam Dunia Revolusi Industri 4.0.



Trend 2: Perubahan Sosio-demografi

Selain itu, dunia juga berdepan dengan perubahan sosio-demografi yang kian mendadak, antaranya, populasi dunia akan semakin berusia (*aging population*), dan buat pertama kalinya dalam sejarah dunia, kita bakal menyaksikan pertumbuhan pesat golongan berpendapatan pertengahan (*ataupun middle income group*).

Sebuah kajian oleh Brookings Institute pada tahun 2017 menjangkakan bahawa menjelang tahun 2030, populasi berpendapatan pertengahan akan menjangkau lebih 5 bilion orang, berbanding hanya sekitar 3 bilion pada tahun 2015. Sekitar 88 peratus dari golongan berpendapatan pertengahan yang baharu ini akan tinggal di benua Asia, dengan pertumbuhan terbesar dipacu oleh India (seramai 380 juta orang), diikuti oleh China (seramai 350 juta orang) dan 210 juta orang lagi dari negara-negara Asia lain.

Bayangkan apakah kesan perubahan ini kepada pola penggunaan dunia (*ataupun global consumption patterns*). Bahkan, menjelang hujung tahun 2022 ini, populasi berpendapatan pertengahan ini dijangka akan berbelanja sekitar USD10 trillion, dan menjelang 2030 pula, jumlah ini akan meningkat hampir tiga kali ganda, mencecah USD29 trillion.

Jelas, susun atur ekonomi dunia akan terkesan dengan besar sekali dengan perubahan tabiat penggunaan oleh berbilion-bilion penduduk dunia. Perubahan-perubahan besar ini akan menjadi sumber cabaran dan juga peluang buat semua pada masa hadapan.

Trend 3: Agenda Kelestarian

Mega trend ketiga yang akan merubah dunia adalah kesedaran terhadap isu-isu kelestarian. Jika dahulunya, isu kelestarian tidak mendapat perhatian arus perdana, kini, lebih ramai Kerajaan dunia lebih memandang serius perkara ini, sebagai contohnya dengan penyertaan dalam Paris Agreement 2015. Lebih banyak negara juga bertindak proaktif untuk menyatakan hasrat mereka ini dengan memperkenalkan undang-undang yang lebih ketat berkenaan isu ini dan ini tentunya akan mempunyai impak besar terhadap struktur ekonomi dan industri dunia, termasuklah industri automotif, yang pada hari ini merupakan penyumbang pendapatan terbesar kepada Kumpulan UMW. Selain itu, dengan pemanasan global yang kian meluas, impak terhadap sumber-sumber terhad akan bertambah drastik pada masa hadapan.

Selain tiga trend tersebut, kita juga kian melihat dengan lebih jelas perubahan susun atur geo-politik dunia, sepertimana yang disaksikan oleh konflik Russia-Ukraine yang sedang berlangsung kini. Dunia pada hari mempunyai susun atur yang kian berbeza iaitu '*a Decoupled World*', dengan perkembangan-perkembangan geo-politik yang bukan sahaja mempengaruhi sesebuah rantau malahan seluruh dunia.

Sebagai contohnya, apakah kita pernah merenung kesan perang Russia-Ukraine dan pelbagai sekatan-sekatan oleh negara Barat terhadap pasaran komoditi dunia dan juga situasi ekonomi global? Russia merupakan antara negara pengeluar komoditi utama dunia, dengan sekitar 17.1% pengeluaran gas dunia dan 12.1% minyak mentah dunia. Ia juga menghasilkan sekitar 20.7% eksport palladium dunia, 7.1% kuprum dunia dan juga 11.2% nikel dunia. Dengan tercetusnya perang ini, eksport Russia dan Ukraine telah tersekat dari pasaran dunia seperti sediakala. Ini tentunya akan merubah '*demand-supply situation*' pasaran dunia dan mengakibatkan kenaikan harga mendadak pada pasaran global. Kajian oleh CFA Institute mendapati kesan perang amat jelas atas kenaikan harga minyak berdasarkan pengalaman terdahulu.

Kenaikan harga tersebut juga mampu mengganggu gugat ekonomi global yang masih lagi lemah kesan dari Covid-19, apabila Kerajaan-Kerajaan dunia menggunakan dasar "*resource nationalisation*".

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Persediaan Tenaga Kerja Masa Hadapan

Saya tidak berniat untuk memberikan suatu sudut pandang masa hadapan yang negatif, namun niat saya adalah supaya anak-anak para pemegang biasiswa Kumpulan UMW akan dapat menjadi aset-aset penting negara dan bangsa yang dapat melihat sesuatu perkara dengan lebih luas dan berpandangan jauh.

Dalam mendepani pelbagai perubahan tersebut, kita sewajarnya dapat membayangkan juga pelbagai perubahan yang akan berlaku pada dunia pekerjaan, kerana ini akan menentukan kedudukan survival dan kelestarian kita semua. Kajian menunjukkan bahawa pekerjaan-pekerjaan yang dahulunya dapat memberikan punca pendapatan yang stabil, akan terus berdepan dengan pelbagai rombakan.

Sebagai contohnya, '*Future of Jobs Report 2020*' oleh World Economic Forum menganggarkan bahawa menjelang tahun 2025, lebih 85 juta pekerjaan pada peringkat global akan digantikan oleh robot melalui proses automation, terutamanya melibatkan kerja-kerja manual, seperti *data entry clerks, accounting @ book-keeping, mechanics* dan *machinery repairers* malahan akauntan dan juruaudit.

Malahan, sebuah analisa oleh McKinsey Global Institute Analysis juga mendapati dalam kes Malaysia sendiri, setelah mengambilkira GDP per kapita dan faktor-faktor lainnya, terdapat kebarangkalian bahawa lebih kurang 3.9 juta pekerjaan sepenuh masa yang akan terkesan oleh automation menjelang tahun 2030.

Sebuah artikel oleh World Economic Forum yang bertajuk '*Top 10 Jobs of the Future - For 2030 and Beyond*' juga memberikan suatu bayangan masa depan yang menarik, yang mungkin boleh saya kongsi di sini. Akibat wabak Covid-19 yang telah melanda dunia, pasaran pekerjaan telah berubah menuju digital dengan lebih pantas, ("*Everything that could go online did go online*"), dan menjelang tahun 2030, akan wujud pelbagai pekerjaan baharu yang mungkin belum dapat kita bayangkan pada hari ini. Antaranya, World Economic Forum membayangkan beberapa pekerjaan baharu seperti berikut:

Work From Home facilitator - Jika sebelum tahun 2020, dianggarkan bahawa kurang daripada 5% syarikat mempunyai dasar remote-working, kini dalam dunia pasca-pandemik, kerja jarak jauh makin menjadi suatu norma. Syarikat-syarikat yang ingin mengoptimalkan pengalaman dan produktiviti kerja jarak jauh akan memerlukan Work From Home Facilitator.

XR Immersion Counsellor - XR yang bermaksud Extended Reality merupakan suatu konsep dunia digital yang mengintegrasikan aspek Virtual Reality, Augmented Reality dan Virtual Reality. Mungkin juga mutakhir ini, kita pernah mendengar mengenai idea Metaverse yang dipopularkan oleh Mark Zuckerberg. Dari sudut dunia pekerjaan pula, XR Immersion Counsellor berperanan untuk bekerjasama dengan artis teknikal dan jurutera perisian untuk menghasilkan modul-modul AR dan VR untuk latihan kerja seperti mana yang ada di platform Strivr dan Mursion, untuk meningkatkan produktiviti pekerja.

Data Detective - Data scientists merupakan sebuah pekerjaan yang kian menunjukkan pertumbuhan pesat, dengan pertumbuhan 42% pada awal 2021, menurut Cognizant Jobs of the Future Index. Namun, memandangkan kekurangan sumber manusia dalam bidang ini, data detectives dijangka akan membantu untuk menampung permintaan besar dalam bidang tersebut.

Tidewater Architect - Tidewater Architect atau Arkitek Air Pasang Surut merupakan suatu kerjaya baharu yang memerlukan para pekerja untuk merangka pelan-pelan bagi kerja-kerja kejuruteraan sivil yang mengambil kira perubahan iklim dunia yang kini semakin menjadi suatu ancaman besar. Malahan menurut laporan Cognizant, profesion ini bertumbuh sebanyak 37% pada awal tahun lalu.

Contoh-contoh tersebut merupakan antara kerjaya yang mungkin jarang kita dengari dan kita juga kurang pasti jika dalam pasaran Malaysia ini, kerjaya-kerjaya tersebut akan wujud dalam masa terdekat. Namun, yang pastinya, kita haruslah bersiap sedia untuk menghadapi pasaran pekerjaan yang kian berevolusi dengan pantas ini.

Harapan Terhadap Pemegang Biasiswa

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Dengan perkembangan-perkembangan yang kian mendatang ini, saya ingin menjemput anak-anak para pemegang biasiswa Kumpulan UMW untuk merenung dengan mendalam, apakah kesan perubahan-perubahan besar ini terhadap masa depan kalian? Semailah sikap ingin tahu ataupun intellectual curiosity yang tidak sahaja terbatas kepada peperiksaan semata-mata, agar anda akan mempunyai suatu bentuk kesedaran atau hyper-awareness terhadap dunia sekeliling anda.

Untuk mempersiapkan diri, anak-anak pemegang biasiswa sekalian haruslah mengasah kebolehan yang bersifat lebih meluas. Antara kemahiran-kemahiran penting yang akan menjadi lebih kritikal menjelang tahun 20258, termasuklah:

- a) Kebolehan berfikir secara kritis dan berinovasi;
- b) Kebolehan untuk belajar secara sendiri (independent lifelong learning) yang semakin mudah pada hari ini dengan adanya sumber internet dan MOOC yang banyak seperti Coursera, Udemy, Khan Academy dll.;
- c) Kebolehan menyelesaikan masalah kompleks;
- d) Kemahiran berfikir secara kreatif dan membina idea- idea original;
- e) Kemahiran memimpin dan membina pengaruh sosial;
- f) Kemahiran mengintegrasikan teknologi dalam pekerjaan, dan;
- g) Kebolehan untuk menjadi fleksibel dan berdaya tahan.

Malahan, dari suatu sudut, pendekatan membina sumber manusia yang mempunyai kemahiran-kemahiran manusiawi yang tidak dapat direplikasi oleh robot dan teknologi akan menjadi lebih penting dalam dunia masa depan. Sebuah laporan oleh OECD berjudul 'Future of Education and Skills 2030: Conceptual Learning Framework', malahan menegaskan bahawa pekerjaan yang memerlukan kemahiran sosial dan emosi tinggi tidak mudah untuk digantikan oleh teknologi. Artificial Intelligence tidak mungkin boleh menggantikan pekerjaan yang memerlukan kreativiti; begitu juga, AI tidak mungkin menggantikan pekerjaan memerlukan interaksi sosial yang kompleks. Oleh itu, untuk menyesuaikan diri dengan kemajuan dalam teknologi, para pekerja haruslah memperoleh kemahiran sosial, termasuk kemahiran berunding dan juga influencing skills.

Dalam kesibukan mendalami bidang akademik yang tentunya mencabar, ambillah masa untuk mengasah dengan lebih mendalam kebolehan berfikir dan menyelesaikan masalah (thinking and problem solving skills). Kaedah pemikiran yang berstruktur terbukti amat penting dalam menyelesaikan bukan sahaja masalah akademik malahan apabila anda mula menyertai dunia pekerjaan pada masa akan datang. Kita tidak mahu para pelajar tajaan kita sekadar menghafal syllabus semata-mata, kita inginkan mereka mampu mengasah kemahiran berfikir secara berbeza, kerana di dalam dunia sebenar nanti, tiada skema jawapan yang disediakan.

Selain itu, kebolehan untuk berkomunikasi dengan efektif dan berkolaborasi amatlah penting dalam memastikan skillset yang kalian asah akan kekal relevan buat dekad-dekad yang mendatang.

Penutup

Hadirin dan hadirat yang dihormati, anak-anak yang dikasihi sekalian,

Para penerima biasiswa sekalian, melalui Program Biasiswa Kumpulan UMW, pihak syarikat telah merangka pelbagai pengisian yang pelbagai. Selain memantau kemajuan akademik anda di Universiti nanti, pihak syarikat juga menganjurkan pelbagai program dan latihan seperti Program Pembangunan Skil, Program Tanggungjawab Sosial Korporat dan latihan yang sewajarnya bagi mempersiapkan anda menjadi modal insan yang berkualiti.

Jangan lupa juga, sejourus menerima anugerah ini, anda kini membawa nama UMW ke mana juga anda pergi. Pastikan anda membawanya dengan bangga, *let the world know that you are a UMW Scholar*. Pada masa yang sama, pastikan reputasi UMW terus terjaga. Saya percaya anak-anak semua akan menjadi kebanggaan buat kita semua.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kepada penerima-penerima anugerah biasiswa untuk tahun ini. Semoga penganugerahan ini akan menjadi pembakar semangat untuk anda semua menempa kejayaan yang lebih gemilang.

Sekian. WabillahiTaufik Walhidayah Wassalamualaikum WBT.